

17 OCT 2000

Mahathir-Debat

PAS MAHU DEBAT UNTUK BURUKKAN NAMA UMNO DI KALANGAN BUKAN MELAYU

PETALING JAYA, 17 Okt (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS mahu berdebat dengan Umno mengenai hak orang Melayu semata-mata untuk memburukkan nama Umno di kalangan orang bukan Melayu.

"PAS buat cadangan ini (debat) bukan kerana hendak debat tetapi sebagai satu ujian terhadap Umno," katanya ketika ditanya reaksi beberapa pihak yang mahukan cadangan debat antara Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar dibatalkan.

Dr Mahathir berkata apabila Umno bercakap tentang hak orang Melayu pada debat itu nanti, PAS berharap orang Cina dan lain-lain akan marah dan tidak lagi menyokong Umno.

"Itu tujuan mereka, bukan hendak berdebat sangat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada persidangan K-ekonomi anjuran Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA di sini hari ini.

Tarikh dan tempat perdebatan antara Hishammuddin dan Mahfuz mengenai hak keistimewaan orang Melayu itu belum ditetapkan.

Beberapa pemimpin Umno dan PAS sebelum ini telah meminta supaya debat itu dibatalkan dengan alasan ia tidak membawa faedah dan tidak akan menyelesaikan masalah.

Perdana Menteri baru-baru ini bersetuju debat itu diadakan bagi memperjelaskan kepada rakyat tentang hak istimewa dan masa depan orang Melayu.

Dr Mahathir berkata jika Umno tidak menerima cabaran itu, ia akan menampakkan seolah-olah parti itu takut dan ini akan dijadikan satu isu oleh PAS.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Umno sedia mendengar pendapat orang ramai tentang baik buruknya debat itu diadakan.

-- BERNAMA

AR AHH RON